LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN (TDA), ingin mempelawa syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai pengalaman dan kemahiran yang bersesuaian untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan kerja-kerja berikut:

NO. SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR PELAWAAN	KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN	TARIKH MULA IKLAN	TARIKH TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP IKLAN
TDA/SH/18/2026	KERJA-KERJA PEMBINAAN JAMBATAN BAHARU KEBANG SUNGAI RAYA, KAMPUNG MUKUT, PULAU TIOMAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN	**Perakuan CIDB** (SPKK, PPK & STB), **GRED G3** (BUMIPUTERA) KATEGORI / PENGKHUSUSAN: **CE21 ATAU CE02** Dan **Sijil Pematuhan Cukai (TCC)**	RM 20.00	**03 NOVEMBER 2026 (SELASA)** **(Selepas Jam 12.00 Tengahari)**	**10 NOVEMBER 2026 (SELASA)** **<u>Pendaftaran:</u>** **Jam 09.30 pagi** **<u>Taklimat:</u>** **Jam 10.00 pagi** **<u>Tempat:</u>** **Lokasi Tapak Jambatan Kebang Sungai Raya, Kg. Mukut, Pulau Tioman**	**Selepas Jam 12.00 Tengahari pada:** **11 NOVEMBER 2026 (RABU)** **Hingga** **17 NOVEMBER 2026 (SELASA)**	**17 NOVEMBER 2026 (SELASA)** **(Sebelum jam 12.00 Tengahari)**

1. Pelawaan ini adalah terbuka kepada syarikat yang berdaftar dengan **CIDB** dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (**PPK**), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (**SPKK**), Sijil Taraf Bumiputera (**STB**) dalam **Gred G3** (kategori/pengkhususan **CE21** atau **CE02**) selain berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (**SSM**) atau Kementerian Kewangan Malaysia (**MOF**) dalam kategori, pengkhususan atau kod bidang yang berkaitan serta mempunyai Sijil Pematuhan Cukai / *Tax Compliance Certificate* (**TCC**) yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sebagai salah satu dokumen prasyarat yang perlu dikemukakan semasa membuat permohonan perolehan Kerajaan.

2. Taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Pemilik syarikat yang sah dan berdaftar sahaja **DIWAJIBKAN** hadir ke taklimat dan lawatan tapak ini. **WAKIL SYARIKAT** adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Pemilik syarikat perlu membawa **sijil-sijil seperti di para 1** yang berkaitan bersama **kad pengenalan** bagi tujuan semakan semasa pendaftaran kontraktor dijalankan. Sila datang awal sebelum masa taklimat dan lawatan tapak dimulakan.

3. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada pemilik syarikat atau wakil syarikat yang sah dan yang telah hadir ke sesi taklimat dan lawatan tapak sahaja. Syarikat yang ingin memasuki sebut harga ini boleh membuat pembayaran secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) ke dalam akaun Lembaga atau pembayaran secara *paywave* semasa pembelian dokumen sebut harga.

4. Dokumen sebut harga yang telah lengkap dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri** dan bertanda dengan jelas di penjuru atas sebelah kiri **nombor sebut harga** dan **tajuk sebut harga** tanpa apa-apa pengenalan di luarnya. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah ditetapkan mengikut jadual di atas sebelum atau pada **17 NOVEMBER 2026 sebelum jam 12.00 tengahari** di alamat berikut:


LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
No. 1, Jalan Besar Tanjung Gemok 1, Teluk Gading,
26820 Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur

5. Pihak **Lembaga Pembangunan Tioman** tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mengemukakan sebab-sebab tawaran tersebut ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI JUMSHOIRY NOVDANY BIN MOHD SULAIMAN, AAP.)
Pengurus Besar,
Lembaga Pembangunan Tioman